

Liga Masum kembali buka tirai

KUALA LUMPUR – Liga Bola Sepak Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) yang bermula Sabtu ini tetap menjanjikan aksi menarik walaupun tanpa tajaan swasta.

Pengarah projek liga, Abdul Wahab Hashim berkata, ini merupakan musim pertama pertandingan dijalankan tanpa sokongan luar.

“Pertandingan musim ini tetap dijalankan walaupun tanpa penaja swasta.

“Namun, penganjur masih membuka pintu untuk pihak swasta menghulurkan tajaan,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Jelasnya, perjalanan liga musim ini dibiayai Masum dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Katanya, para pemain liga musim ini akan dipilih untuk membentuk pasukan bagi menyertai Kejohanan Sukan Antara Universiti Asia Tenggara di Kuala Lumpur Disember ini.

Sementara itu, juara liga musim lalu, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan juara Piala Kejohanan TM, Universiti Malaya (UM) akan membuka tirai kempen Liga Masum musim ini pada Perlawanan Sumbangsih Sabtu ini di Stadium Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor pukul 8 malam.

Sebanyak 30 pasukan dari institut pengajian tinggi awam dan swasta mengambil bahagian pada saingan liga musim ini.

Liga Perdana melibatkan saingan UPM, UM, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Universiti Kolej Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Baki pasukan lain bersaing dalam Divisyen 1A dan 1B.